

U B485 DEB

MAHATHIR - SESAT

JITRA, 1 MEI (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYIFATKAN PAS SEBAGAI PARTI YANG SESAT KERANA ADA ANGGOTA PARTI ITU YANG MENGAMBIL TANAH KUBUR IBRAHIM LIBYA UNTUK DIBAWA PULANG DAN DIJUAL SEBAGAI AZIMAT.

+IA BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM. KITA TIDAK BOLEH SEMBAH TANAH,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN ABDUL HALIM, JENAN, DEKAT SINI.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN BAHAWA ADA ANGGOTA PARTI ITU YANG PERGI KE KAMPUNG MEMALI UNTUK MELAWAT KUBUR IBRAHIM LIBYA YANG DIANGGAP MATI SYAHID.

BELIAU KESAL BANYAK YANG MASIH TERKELIRU WALAUPUN PARA ANGGOTA PARTI ITU MELAKUKAN PELBAGAI PERKARA YANG BERTENTANGAN DENGAN ISLAM.

+BARU-BARU INI KUBUR ITU RUNTUH DAN MENGELUARKAN BAU BUSUK TETAPI ADA PIHAK YANG MENGANGGAP BAU ITU WANGI DAN MENJUAL TANAHNYA,+ KATANYA. -- LAGI.
1646MST 01 05 86

U B487 DEB

MAHATHIR - SESAT 2 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENDEDAHKAN TONIK PAS YANG DINAMAI +TONIK JIHAD+ UNTUK MENJADI KEBAL.

BELIAU BERKATA, WALAUPUN GOLONGAN ITU MEMINUM TONIK TETAPI MEREKA TIDAK KEBAL APABILA DITEMBAK.

KATANYA, MUSTAHIL ADA AIR TELAGA YANG BOLEH MENJADIKAN ORANG KEBAL MALAH DALAM PEPERANGAN UHUD, NABI MOHAMAD SAW SENDIRI LUKA KERANA TERKENA PANAH MUSUH.

BELIAU BERKATA, KERANA TAMAKKAN KERUSI PADA PILIHAN RAYA, PAS SANGGUP MENIPU PENDUDUK KAMPUNG MEMALI HINGGA MENYEBABKAN ORANG-ORANG YANG TIDAK BERDOSA TERKORBAN.

KATANYA, ORANG YANG MENGELUARKAN FATWA KONONNYA ORANG YANG MATI ITU MATI SYAHID MERUPAKAN GOLONGAN YANG BERKEPENTINGAN POLITIK.

PARA ANGGOTA UMNO BERTANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN AJARAN ISLAM DAN ORANG-ORANG MELAYU, TEGAS BELIAU. -- BERNAMA.
1649MST 01 05 86